

IKTIKAF DI SURAU: KAJIAN TERHADAP KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDINGAN HUKUM SYARA' WILAYAH PERSEKUTUAN

Irwan bin Mohd Subri¹
Hasanah binti Abd Khafidz²
Mohd Hapiz bin Mahaiyadin³



ABSTRACT

This article examines decision of the Federal Territory Syarie Consultation Committee on the issue of iktikaf in surau (prayer rooms). There are two different decisions (fatwa) in this issue: the first allows iktikaf to be done in the surau. However, after twelve years, this opinion was reversed and since then iktikaf in surau was no longer allowed. The basic difference of both decisions lies in the meaning of the mosque and its application to the status of surau or musalla in Malaysia as an equivalent place of worship. This study makes a comparison between two such different decisions and then analyzes the meaning of the words musalla and mosques mentioned in the hadith of the Prophet Muhammad S.A.W from the perspective of various madhhabs (school of Islamic Law) to find a clear understanding of the status of local

¹ Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). www.usulifaqih.com.

² Pensyarah Kanan, Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia (USM). www.drhasanah.com.

³ Pensyarah, Pusat Pemikiran Dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Pulau Pinang.

suraus. It aims to expand the implementation of some commendable (sunat) rituals such as iktikaf. The study found that the first decision, which validates iktikaf in a normal surau or Jumaat surau is more suitable for practice.

Keywords:

ABSTRAK

Artikel ini mengkaji tentang keputusan Jawatankuasa Perunding Hukum Syara', Wilayah Persekutuan mengenai hukum iktikaf di surau. Terdapat dua keputusan (fatwa) yang berbeza dalam isu ini. Yang pertama membenarkan iktikaf dilakukan di surau. Namun selepas 12 tahun pendapat ini dirombak semula dan hasilnya iktikaf tidak dibenarkan dilakukan di surau. Asas perbezaan fatwa tersebut merujuk kepada tafsiran makna masjid dan aplikasinya terhadap status surau atau musalla di Malaysia sebagai tempat ibadat setaraf dengannya. Kajian ini membuat perbandingan antara dua keputusan yang berbeza itu. Seterusnya ia menganalisa semula maksud perkataan musalla dan masjid yang disebut dalam hadis Rasulullah S.A.W daripada perspektif pelbagai mazhab bagi menemui kefahaman jelas mengenai status surau-surau tempatan. Hal ini bertujuan memperluaskan ruang pelaksanaan beberapa ibadat sunat contohnya seperti iktikaf. Hasil kajian mendapati, keputusan pertama yang berpandangan iktikaf di surau biasa atau surau yang didirikan solat Jumaat adalah sah dilakukan, lebih sesuai untuk diamalkan.

Kata kunci:

PENDAHULUAN

Umat Islam di Malaysia kebiasaannya menunaikan solat berjamaah di masjid atau di surau. Antara perkara-perkara sunat yang dituntut untuk dilakukan apabila memasuki masjid ialah beriktikaf. Ia adalah amalan Rasulullah S.A.W seperti yang digambarkan dalam hadis:

Iktikaf di Surau

«أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، كَانَ يَعْتَكِفُ الْعَشْرَ الْأَوَاخِرَ مِنْ رَمَضَانَ حَتَّى تَوَفَّاهُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ، ثُمَّ اعْتَكَفَ أَرْبَاعُهُ مِنْ بَعْدِهِ»

Maksudnya: *Bahawa Nabi S.A.W beriktikaf pada sepuluh malam terakhir bulan Ramadan sehingga baginda diwafatkan oleh Allah Azza Wa Jalla. Kemudian isteri-isteri baginda beriktikaf selepas itu.*

(Hadis. Muslim. Bab I^tktikaf al-^cAshr al-Awakhir Min Ramadan.
#1172. ms457)

Terdapat persoalan mengenai boleh atau tidak beriktikaf di surau. Isu ini timbul apabila terdapat pertikaian tentang status surau, adakah statusnya sama dengan masjid atau tidak? Dalam isu ini terdapat dua keputusan berbeza yang diputuskan oleh Jawatankuasa Perundingan Hukum Syara' Wilayah Persekutuan. Artikel ini mengkaji dua keputusan yang berbeza ini dan mencari sebab kenapa kedua-duanya berbeza.

KEPUTUSAN FATWA MENGENAI IKTIKAF DI SURAU

Terdapat dua keputusan fatwa yang berbeza telah diputuskan oleh Jawatankuasa Perundingan Hukum Syara' Wilayah Persekutuan berkenaan hukum iktikaf di surau-surau Wilayah Persekutuan.

Keputusan yang pertama diputuskan pada 8 April 1993 adalah seperti berikut:

"Iktikaf dan sembahyang Tahiyatul Masjid di surau-surau yang dibenarkan mendirikan sembahyang Jumaat sah dilakukan"
(Kertas Cadangan Menimbang Semula Keputusan Fatwa Berhubung Dengan Solat Tahiyatul Masjid di Surau Jumaat).

Manakala keputusan kedua telah diputuskan pada 4 Disember 2005 setelah dibuat penilaian semula terhadap keputusan yang pertama, iaitu:

“Tidak sah solat Tahiyatul Masjid dan juga iktifaf di surau-surau yang dibenarkan mendirikan sembahyang Jumaat di Wilayah Persekutuan” (Kertas Cadangan Menimbang Semula Keputusan Fatwa Berhubung Dengan Solat Tahiyatul Masjid di Surau Jumaat).⁴

DEFINISI BEBERAPA ISTILAH TEMPAT SOLAT

Terdapat beberapa istilah yang diguna pakai untuk tempat solat bagi orang Islam. Istilah-istilah arab yang mayshur ialah *al-jami'*, *al-masjid* dan *al-musalla*. Manakala istilah tempat solat orang Islam di Malaysia yang mayshur ialah masjid dan surau.

Sebelum membincangkan dua keputusan Jawatankuasa Perundingan Hukum Syara' Wilayah Persekutuan yang berbeza ini, berikut dijelaskan definisi beberapa istilah yang diguna pakai untuk tempat solat orang Islam. Hal ini untuk menjelaskan perbezaan setiap tempat yang disebutkan itu walaupun kesemuanya digunakan sebagai tempat solat umat Islam.

Jamik (*al-Jamī'*)

Perkataan jamik dari segi bahasa bermaksud “tempat yang menghimpunkan orang ramai” (Ibnu Manzur 1999: 2/355 & Ibnu Sayyidah 2000: 1/347), yakni menghimpunkan orang untuk solat Jumaat. Dari segi istilah pula, jamik bererti “masjid yang didirikan solat Jumaat dalamnya” (Sa'diyy Abu Jayb 1998: 167).

al-Baghdadiyy (t.th: 435) berkata, “*Jamik ialah tempat yang didirikan solat Jumaat, manakala selainnya tidak didirikan solat Jumaat*”. Pendapat yang sama juga dikatakan oleh al-Sharqawiyy

⁴ Kajian ini menghadapi kesulitan untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai perbezaan dua keputusan dari segi mengetahui sebab-sebab perbezaan keputusan tersebut. Ini kerana kertas kerja lengkap yang disediakan untuk membuat kedua-dua keputusan ini tidak ada dalam simpanan jabatan Mufti Wilayah Persekutuan. Yang ada hanya keputusannya sahaja memandangkan pihak Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan tidak menyimpan dokumen-dokumen lama. Ini satu kekurangan dan kelemahan kerana ia sepatutnya disimpan untuk menjadi rujukan pada masa akan datang. Bukan sahaja untuk rujukan Jabatan Mufti, bahkan untuk semua pengkaji yang ingin membuat kajian mengenainya. Oleh sebab itulah dalam membincangkan dua keputusan yang berbeza ini, kajian ini hanya membuat kesimpulan berdasarkan apa yang difahami daripada bahan-bahan yang diperolehi.

Iktikaf di Surau

(1997: 2/371), “*Jamik ataupun masjid jamik ialah tempat yang kebiasaannya didirikan solat Jumaat. Jamik lebih khusus daripada masjid kerana setiap jamik adalah masjid dan tidak sebaliknya kerana masjid boleh dibina di bilik-bilik (seperti ruang binaan, sudut atau penjuru tertentu), kerana ia adalah tempat sujud dan bukan untuk didirikan solat Jumaat*”.

Dapat difahami di sini, jamik ialah tempat masyarakat Muslim mendirikan solat berjemaah lima waktu dan juga solat Jumaat.

Pada kebiasaan juga, jamik lebih besar daripada masjid kerana ia menghimpunkan lebih ramai umat Islam untuk solat Jumaat. Manakala masjid lebih kecil daripada jamik kerana ia hanya menghimpunkan umat Islam untuk solat berjemaah yang bilangannya lebih sedikit daripada bilangan orang yang bersolat Jumaat.

Terdapat beberapa jamik yang terkenal di seluruh dunia. Antaranya Jamik al-Azhar di Mesir yang terkenal dengan kelainan menaranya dan Jamik Umawiyy di Syria. Manakala di Malaysia istilah jamik yang dipakai untuk tempat solat sama ada untuk solat jamaah atau solat Jumaat agak jarang digunakan. Namun terdapat juga beberapa masjid digelar sebagai masjid jamik dan yang termasyhurnya ialah Masjid Jamek, Kuala Lumpur yang terletak di Jalan Tun Perak, di belakang bangunan Sultan Abdul Samad (Dataran Merdeka).

Masjid [*al-Masjid*]

Masjid dari segi bahasa ialah *tempat sujud* (Ibnu Sayyidah 2000: 7/261 & al-Zarkashiyy 1989: 26). Manakala dari segi istilah, menurut al-Zarkashiyy (1989: 27), “*Pada kebiasaannya masjid dikhurusukan untuk tempat yang disediakan untuk solat lima waktu*”. Begitu juga Syeikh Aliyy Muhy al-Din al-Qurrah (1975: 107) berkata: “*Apabila disebut masjid, maka akan terlintas di fikiran bahawa ia adalah tempat yang disediakan untuk solat secara berjemaah*”.

Syeikh Taha al-Waliyy (1988: 145) menyebut kaitan jamik dan masjid, “*Dua perkataan iaitu jamik dan masjid telah menjadi makna yang serupa. Kedua-duanya dalam pemikiran orang ramai memberi makna yang sama. Namun pada hakikatnya yang pertama (jamik) lebih umum maknanya dan yang ke dua (masjid) lebih khusus. Ini kerana setiap jamik pada masa yang sama ia adalah masjid dan bukan semua masjid itu adalah jamik*”.

Daripada definisi terhadap masjid di atas, dapat difahami bahawa kebiasaannya masjid disediakan untuk solat berjemaah lima waktu. Ia tidak didirikan solat Jumaat dalamnya.

Musalla (*al-Musalla*)

Perkataan musalla memberi maksud *tempat bersembahyang atau berdoa* (al-Fayyumiyy: 208 & al-Mu'jam al-'Arabiyy al-Asasiyy: 746).

Syeikh Taha al-Waliyy (1988: 79-80) berkata, “*Musalla adalah perkataan khusus untuk tempat yang didirikan solat dalamnya untuk tujuan-tujuan tertentu. Contohnya seperti solat dua hari raya (Aidilfitri dan Adha), solat jenazah, solat istisqa' dan solat syukur. Ia selalunya di kawasan lapang yang tiada sekatan (seperti dinding), tiada bumbung yang menutupinya dan kebiasaannya di tempat yang tiada penempatan rumah atau pasar-pasar*”.

Makna musalla ini difahami daripada beberapa hadis Nabi S.A.W seperti:

(أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ عَلَيْهِ الْكَلَمُ خَرَجَ إِلَى الْمَصْلَى يَسْتَسْقِي، وَأَنَّهُ لَا أَرَادَ أَنْ يَدْعُو،
اسْتَقْبَلَ الْقِبْلَةَ وَحَوَّلَ رَدَاءَهُ)

Maksudnya, “*Bahawa Rasulullah S.A.W keluar ke musalla untuk solat istisqa'. Apabila ingin berdoa, baginda akan mengadap kiblat dan membalik-balikkan selendangnya*”.

(Hadis. Muslim. Kitab Salat al-Istisqa'. #894. ms346)

Dalam hadis yang lain, Abu Hurayrah berkata:

(أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ عَلَيْهِ الْكَلَمُ نَعَى النَّجَاشِيَ فِي الْيَوْمِ الَّذِي مَاتَ فِيهِ، خَرَجَ إِلَى
الْمَصْلَى، فَصَفَّ بِهِمْ، وَكَبَرَ أَرْبَعاً)

Maksudnya, “*Daripada Abu Hurayrah, bahawa Rasulullah S.A.W mengumumkan kematian al-Najashiyy pada hari kematianya, lalu baginda keluar ke musalla dan menyusun saf bersama mereka (sahabat) dan baginda bertakbir empat kali (solat jenazah)*”.

(Hadis. al-Bukhariyy. Kitab al-Jana'iz: Bab al-Rajul Yan'a Ila Ahl al-Mayyyit Binafsih. #1245. ms244)

Iktikaf di Surau

Begitu juga dalam sebuah hadis yang lain:

(كَانَ رَسُولُ اللَّهِ عَلَيْهِ الْمَسِيحَةُ يَخْرُجُ يَوْمَ الْفُطُرِ وَالْأَضْحَى إِلَى الْمَصَلَى، فَأَوْلَى
شَيْءٍ يَبْدأُ بِهِ الصَّلَاةَ، ثُمَّ يَنْصَرِفُ، فَيَقُولُ مُقَابِلَ النَّاسِ، وَالنَّاسُ
جُلُوسٌ عَلَى صُفُوفِهِمْ، فَيَعْظِمُهُمْ وَيُوَصِّيهِمْ وَيَأْمُرُهُمْ، فَإِنْ كَانَ يُرِيدُ
أَنْ يَقْطَعَ بَعْثًا قَطْعَهُ، أَوْ يَأْمُرَ شَيْئًا أَمْرَرِهِ، ثُمَّ يَنْصَرِفُ)

Maksudnya, “Rasulullah S.A.W keluar ke musalla pada Hari Raya Aidilfitri dan Adha. Perkara pertama yang dimulakan baginda ialah solat (sunat Hari Raya), kemudian baginda selesai. Lalu baginda bangun mengadap orang ramai dalam keadaan mereka duduk dalam saf masing-masing. Maka baginda pun (berkhutbah) memberi peringatan, memberi nasihat dan memerintahkan mereka. Sekiranya baginda ingin mengutus utusan, maka baginda akan mengutuskannya, atau baginda ingin menyuruh sesuatu, maka baginda akan menyuruhnya dan kemudian baginda bersurai”.

(Hadis. al-Bukhariyy. Kitab al-'Aydayn: Bab al-Khuruj Ila al-Musalla Bi Ghayr Minbar. #956. ms959)

Daripada hadis-hadis di atas dapat difahami bahawa Rasulullah S.A.W tidak menunaikan semua jenis solat di masjid. Sebaliknya ada beberapa jenis solat terutamanya solat-solat sunat yang disebutkan di atas, baginda keluar ke musalla untuk menunaikannya. Musalla ini pula bukanlah tempat rasmi yang digunakan oleh Nabi S.A.W setiap hari untuk solat seperti masjid. Ia hanya untuk majlis atau acara tertentu atau sekali sekala sahaja.

Sunnah ini diteruskan oleh para sahabat seperti yang diriwayatkan dalam sebuah athar oleh 'Uthman bin 'Abd al-Rahman al-Taymiyy:

(مَطَرَنَا فِي إِمَارَةِ أَبَانَ بْنِ عُثْمَانَ عَلَى الْمَدِينَةِ مَطَرًا شَدِيدًا لَيْلَةَ الْفُطُرِ،
فَجَمَعَ النَّاسَ فِي الْمَسْجِدِ، فَلَمْ يَخْرُجْ إِلَى الْمَصَلَى الَّذِي يُصَلِّي فِيهِ
الْفُطُرُ وَالْأَضْحَى، ثُمَّ قَالَ لِعَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَامِرَ بْنِ رَبِيعَةَ: قُمْ فَأُخْبِرِ النَّاسَ
مَا أَخْبَرْتَنِيْ. فَقَالَ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عَامِرَ: إِنَّ النَّاسَ مَطْرُوْرُوا عَلَى عَهْدِ عُمَرَ
بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، فَامْتَنَعَ النَّاسُ مِنَ الْمَصَلَى، فَجَمَعَ عُمَرَ
النَّاسَ فِي الْمَسْجِدِ فَصَلَّى بِهِمْ، ثُمَّ قَامَ عَلَى الْمِنْبَرِ فَقَالَ: يَا أَيُّهَا النَّاسُ،
إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ عَلَيْهِ الْمَسِيحَةُ كَانَ يَخْرُجُ بِالنَّاسِ إِلَى الْمَصَلَى، يُصَلِّي بِهِمْ لَا نَهَا أَرْفَقَ

بِهِمْ وَأَوْسَعُ عَلَيْهِمْ، وَإِنَّ الْمَسْجِدَ كَانَ لَا يَسْعُهُمْ، قَالَ: فَإِذَا كَانَ هَذَا
الْمَطْرُ، فَالْمَسْجِدُ أَرْفَقُ ()

Maksudnya, “Hujan lebat telah menimpa kami ketika pemerintahan Aban bin ‘Uthman di Madinah pada malam Hari Raya. Lalu beliau menghimpunkan orang ramai di masjid dan tidak keluar ke musalla tempat selalunya didirikan solat sunat Aidilfitri dan Adha. Kemudian beliau berkata kepada Abdullah bin ‘Amir bin Rabiah, “bangun! Dan beritahulah orang ramai apa yang kamu beritahu padaku”. Maka Abdullah bin ‘Amir berkata, “orang ramai telah ditimpa hujan pada zaman ‘Umar bin al-Khattab R.A menyebabkan mereka terhalang daripada (mendirikan solat sunat Hari Raya di) musalla. Lalu ‘Umar memghimpunkan orang ramai di masjid dan melakukan solat (Hari Raya) di situ. Kemudian beliau berdiri di atas minbar dan berkata, “Wahai orang ramai! Sesungguhnya Rasulullah S.A.W keluar ke musalla bersama orang ramai dan bersolat bersama mereka di situ kerana ia lebih sesuai dan luas untuk mereka dan masjid tidak muat untuk mereka”. Beliau berkata lagi, “Jika hujan, maka masjid lebih sesuai””.

(Athar. al-Bayhaqiy dalam al-Sunan al-Kubra. Bab Salat al-‘Ayd Fi al-Masjid Iza Kana ‘Uzrun Min Matar Aw Ghayrih. #6258. jil. 3. ms433)

Ia menunjukkan bahawa solat sunat Hari Raya pada zaman sahabat dan zaman selepas itu juga dilakukan di musalla melainkan berlaku perkara-perkara yang menghalang seperti hujan lebat. Sebab dilakukan solat Hari Raya di musalla ialah kehadiran ramai orang yang tidak dapat ditampung oleh masjid yang kecil. Maka tempat yang sesuai untuk menampung orang yang ramai ialah di kawasan lapang seperti padang. Apabila dilakukan apa-apa solat di situ ia dipanggil “musalla” kerana ia bererti tempat orang menunaikan solat.

STATUS MUSALLA: ADAKAH IA MASJID ATAU TIDAK?

Melalui definisi musalla sebelum ini, dapat difahami bahawa ia adalah tempat solat sempena acara tertentu. Kebiasaannya musalla yang menjadi tempat solat Rasulullah S.A.W untuk hari raya atau solat

Iktikaf di Surau

istisqa' ialah di kawasan lapang atau padang. Ia bukanlah tempat solat lima waktu atau solat Jumaat yang tetap seperti masjid.

Jika begitu, adakah musalla sama statusnya dengan masjid yang boleh dibuat iktikaf dalamnya. Terdapat beberapa pandangan para ulama mazhab mengenai status musalla:

Mazhab Shafi'iyy

Para ulama Shafi'iyy berpendapat bahawa musalla bukanlah masjid, yakni hukumnya tidak sama dengan masjid. Sebabnya ialah masjid ialah tempat solat lima waktu, manakala musalla pula ialah tempat solat untuk acara tertentu sahaja.

Imam al-Ghazaliyy ketika ditanya tentang status musalla yang dilakukan solat hari raya di luar bandar berkata:

”لَا يَثْبُتُ لِهِ حُكْمُ الْمَسْجِدِ فِي الْاعْتِكَافِ وَمُكْثِتُ الْجُنُبِ وَغَيْرِهِ مِنَ الْأَحْكَامِ، لَا أَنَّ الْمَسْجِدَ هُوَ الَّذِي أُعِدَّ لِرَوَاتِبِ الصَّلَاةِ، وَعُيِّنَ لَهَا حَتَّى لَا يُنْتَفَعَ بِهِ فِي غَيْرِهَا. وَمَوْضِعُ صَلَاةِ الْعَيْدِ مَعَدٌ لِلْاجْتِمَاعَاتِ وَلِنَزْولِ الْقَوَافِلِ، وَلِرُكُوبِ الدَّرَوَابِ، وَلِعَبِ الصَّبِيَّانِ. وَلَمْ تَجُرْ عَادَةُ السَّلَفِ بِمَنْعِ شَيْءٍ مِنْ ذَلِكَ فِيهِ، وَلَوْ اعْتَقَدُوهُ مَسْجِدًا لَصَانُونَهُ عَنْ هَذِهِ الْأَسْبَابِ وَلِقَصْدِ لِإِقَامَةِ سَائِرِ الصَّلَوَاتِ. وَصَلَاةُ الْعَيْدِ تَطْوُعُ، وَهُوَ لَا يَكُثُرُ تَكْرُرُهُ بَلْ يَبْنَى لِقَصْدِ الْاجْتِمَاعِ وَالصَّلَاةُ تَقْعُدُ فِيهِ بِالتَّبَعِ“

Maksudnya, “Tidak ada baginya (musalla) hukum masjid dari segi iktikaf, hukum orang berjunub duduk dalam masjid dan hukum hakam yang lain. Ini kerana masjid ialah tempat yang disediakan untuk solat lima waktu. Masjid telah ditentukan khusus untuknya (solat lima waktu) sehingga masjid tidak boleh dimanfaat tanpanya. Tempat untuk solat hari raya pula disediakan untuk perjumpaan-perjumpaan, tempat berhentinya rombongan-rombongan, tempat untuk menaiki binatang ternakan dan tempat mainan kanak-kanak. Ulama terdahulu tidak pernah menghalang perkara-perkara tersebut pada tempat terebut (musalla). Jikalau ulah mereka menganggap ia sebagai masjid, sudah pasti mereka akan menjaganya daripada perkara-perkara tersebut. Begitu juga -mereka akan menjaganya- atas sebab mendirikan solat-solat lain. Solat hari raya adalah sunat, ia

tidak berulang banyak kali. Ia dilakukan di musalla untuk tujuan perhimpunan. Solat hari raya di situ (musalla) kerana mengikut perbuatan Nabi”

(al-Zarkashiyy 1989: 386)

Imam al-Nawawiyy (2001: 3/163) berkata dalam kitab al-Majmu^c:

”الْمُصَلِّيُّ الْمُتَخَذِّلُ لِلْعَيْدِ وَغَيْرِهِ الَّذِي لَيْسَ بِمَسْجِدٍ لَا يَحْرُمُ الْمُكْثُ فِيهِ عَلَى الْجُنُبِ وَالْحَائِضِ عَلَى الْمَذَهَبِ وَبِهِ قَطْعَ الْجُمُهُورُ“

Maksudnya, “Musalla yang dijadikan tempat solat hari raya dan lain-lainnya yang bukan dianggap masjid, tidak haram padanya bagi orang berjunub, wanita haid atas pandangan mazhab. Pendapat ini dipegang oleh jumhur ulama”.

Manakala dalam kitab al-Rawdah, imam al-Nawawiyy (2000: 1/403) berkata:

”أَنَّ الْمُصَلِّيَ لَا يَعْتَبِرُ مَسْجِدًا حَتَّى يَحْرُمُ فِيهِ مَا يَحْرُمُ فِي الْمَسْجِدِ—مِثْلُ حُرْمَةِ الْمُكْثِ عَلَى الْجُنُبِ وَالْحَائِضِ وَغَيْرِهَا—، فَلَا يَتَبَتَّ لِلْمُصَلِّيَ مَا يَتَبَتَّ لِلْمَسْجِدِ“

Maksudnya: “Musalla tidak dianggap masjid sehingga menyebabkan diharamkan padanya apa yang diharamkan pada masjid -seperti haram orang berjunub, wanita haid dan lain-lain duduk dalamnya-. Tidak berlaku hukum bagi musalla seperti hukum bagi masjid”.

Terdapat hadis yang diriwayatkan daripada Ummu ^cAtiyyah:

(أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَمَرَ الْحُيَّضَ أَنْ يَحْضُرُنَ يَوْمَ الْعِيدِ، وَيَعْتَزِلُنَ الْمُصَلِّيَ)

Maksudnya: “Bahawa Nabi S.A.W memerintahkan agar wanita-wanita haid untuk hadir pada hari raya dan mestilah menjauhi musalla”.

(Hadis. al-Bukhariyy. Kitab al-^cAydayn: Bab Zikr Ibahah Khuruj al-Nisa’ Fi al-^cAydayn Ila al-Musalla Wa Shuhud al-Khutbah Mufariqatin Li al-Rijal. #890. ms342-343).

Iktikaf di Surau

Apa yang difahami daripada hadis ini ialah jikalau musalla tidak mengambil hukum masjid, kenapa Nabi S.A.W mengarahkan agar wanita haid menjauhi musalla? Hadis ini ditarikh bahawa arahan Nabi itu ialah supaya memberi ruang kepada orang yang boleh bersolat untuk memenuhi saf-saf solat. Arahan ini juga supaya wanita haid berbeza dengan orang lain (al-Nawawiyy 2001: 3/163).

Mazhab Hanbaliyy

Ulama mazhab Hanbaliyy membezakan antara musalla hari raya dan musalla solat jenazah. Mereka menyatakan bahawa yang pertama (musalla hari raya) adalah masjid. Ia mempunyai hukum sama seperti hukum masjid. Manakala musalla jenazah tidak dianggap masjid.

Ibnu Muflih al-Maqdisiyy (2002: 1/122) menyebut:

”وَالصَّحِيحُ أَنَّ مُصَلَّى الْعِيدِ مَسْجَدٌ لَاَنَّهُ أُعِدَّ لِالصَّلَاةِ حَقِيقَةً، لَا مُصَلَّى الْجَنَائِزِ، ذَكْرَهُ أَبُو الْمَعَالِ“

Maksudnya, “Pendapat yang sahih ialah musalla hari raya adalah masjid kerana ia disediakan untuk solat pada hakikatnya. Adapun musalla jenazah, tidak. Begitulah disebutkan oleh Abu al-Ma‘aliyy”.

Al-Bahutiyy (1982: 1/174-175) pula menyebut:

”يَحْرُمُ عَلَى جُنُبٍ وَحَائِضٍ وَنِفَاسَاءَ اِنْقَطَعَ دَمُهُمَا اللُّبْثُ فِي الْمَسْجَدِ وَمُصَلَّى عِيدٍ لَاَنَّهُ مَسْجَدٌ، لِقَوْلِهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَلَيَعْتَزِّلُ الْحَيَّضُ الْمَصَلِّي“، اَمَّا مُصَلَّى الْجَنَائِزِ فَلَيَسْ مَسْجِدًا، لَاَنَّ صَلَاةَ الْجَنَائِزِ لَيَسْتُ ذَاتٌ رُكُوعٍ وَسُجُودٍ بِخِلَافِ صَلَاةِ الْعِيدِ“

Maksudnya: “Diharamkan ke atas orang berjeluub, wanita haid dan nifas yang telah berhenti darah mereka untuk duduk dalam masjid dan musalla hari raya. Ini kerana ia adalah masjid berdasarkan sabda Nabi S.A.W yang bermaksud, “hendaklah wanita haid menjauhi musalla” (Hadis. al-Nasa’iyy. Kitab Salat al-‘Aydayn: Bab Khuruj al-‘Awatiq Wa Dhawat al-Khudur Fi al-‘Aydayn. #1558. ms184). Adapun musalla jenazah, ia bukanlah masjid kerana zolat jenazah bukanlah solat yang mempunyai rukuk dan sujud. Ia tidak sama dengan solat hari raya”.

Mazhab Hanafiyu

Ulama mazhab Hanafiyu berpendapat bahawa musalla-musalla ini (hari raya dan jenazah) bukanlah masjid. Namun mereka memberi sesetengah hukum masjid kepada musalla. al-Kalibuliyy (1998: 1/191) berkata:

”وَالصَّحِيحُ أَنْ مُصْلَى الْجَنَازَرِ لَيْسَ بِمَسْجِدٍ لَأَنَّهُ مَا أُعِدَّ لِلصَّلَاةِ حَقِيقَةً، وَأَخْتَلَفُوا أَيْضًا فِي مُصْلَى الْعَيْدِ، وَالصَّحِيحُ أَنَّهُ مَسْجَدٌ فِي حَقِيقَةِ جَوَازِ الْاِقْتِداءِ، وَإِنْ اَنْفَضَلَ الصُّفُوفُ، لَأَنَّهُ أُعِدَّ لِلصَّلَاةِ حَقِيقَةً“

Maksudnya: “Pendapat yang sahih ialah musalla jenazah bukanlah masjid kerana ia bukanlah disediakan untuk solat pada hakikatnya. Ulama berselisih pendapat tentang musalla hari raya. Pendapat yang sahih ialah ia dianggap masjid dari segi hukum mengikut imam sekalipun saf-safnya terputus kerana ia disediakan untuk solat pada hakikatnya”.

Ibnu 'Abidin (1998: 2/430) pula berkata:

”وَأَمَّا الْمُتَّخِذُ لِصَلَاةَ جَنَازَةَ أَوْ عَيْدٍ، فَهُوَ مَسْجُدٌ فِي حَقِيقَةِ جَوَازِ الْاِقْتِداءِ، وَإِنْ اَنْفَضَلَ الصُّفُوفُ رُفِقاً بِالنَّاسِ، لَا فِي حَقِيقَةِ غَيْرِهِ، بِهِ يُفْتَنُ. فَعَلَّ دُخُولُهُ لِجُنْبِ وَحَائِضٍ كَفَنَاءٍ مَسْجِدٌ وَرِبَاطٌ وَمَدْرَسَةٌ وَمَسَاجِدٌ حِيَاضٌ وَأَسْوَاقٌ لَا قَوَارِعٌ“

Maksudnya: “Adapun tempat (musalla) untuk solat jenazah atau hari raya, ia dianggap masjid dari segi hukum mengikut imam sekalipun saf-safnya terputus sebagai keringanan kepada orang ramai. Ia tidak dianggap masjid pada selain daripada itu dan inilah pendapat yang difatwakan. Maka orang berjunub dan wanita haid boleh memasukinya seperti halaman masjid, ribat (tempat solat), sekolah, masjid-masjid (tempat solat) bersebelahan tandas dan pasar-pasar (iaitu bilik-bilik kecil tidak bertingkap). Namun tidak boleh memasuki masjid yang bersambung dengan kaki lima jalan”.

Ulasan

Dr. Mahmud al-Haririyy (1990: 24) telah memilih pendapat mazhab Hanbali yang mengatakan bahawa musalla hari raya adalah masjid. Ia mempunyai hukum yang sama dengan masjid. Ini kerana ia diwakafkan untuk solat kerana Allah. Oleh itu tidak ada perbezaan sama ada ia untuk solat hari raya atau solat wajib. Sebab itulah ia perlu kepada penjagaan daripada perkara yang mengotorkannya kerana umat Islam bersolat di situ dengan solat yang ada rukuk dan sujud. Ia berbeza dengan solat jenazah yang boleh dilakukan di jalan kerana ia tidak mempunyai sujud dan rukuk.

Namun kajian ini lebih cenderung kepada pendapat mazhab Shafi'iyy. Musalla atau tempat yang dijadikan tempat solat sempena acara tertentu seperti padang, stadium, dewan dan lain-lain tidak dianggap masjid. Ini kerana ia dijadikan tempat solat sementara dan bukannya tempat solat yang tetap. Terkadang tempat seperti padang atau stadium hanya dilakukan solat di situ sekali dua sahaja sempena program tertentu. Itulah keadaan dan penggunaan musalla di zaman Nabi S.A.W.

Keperluan menjaga kebersihan musalla hari raya, istisqa' dan jenazah memang perlu dijaga. Ini kerana antara syarat sahnya solat ialah bersih tubuh badan dan tempat solat. Adapun arahan Nabi S.A.W kepada wanita haid agar menjauhi musalla kerana dibimbangi mereka akan mengotorkan musalla dengan darah mereka.

Ia juga bagi memberi laluan kepada orang lelaki dan wanita yang boleh bersolat yang turut hadir ke musalla. Adalah tidak logik jika wanita haid berada di tengah-tengah saf orang yang menunaikan solat. Sebab itulah mereka diarahkan agar menjauhi musalla, namun mereka boleh duduk di bahagian belakang untuk sama-sama mendengar khutbah selepas solat hari raya.

Mereka datang ke musalla hari raya bukan untuk bersolat tetapi untuk mendengar nasihat-nasihat agama melalui khutbah yang disampaikan oleh khatib. Jadi walaupun mereka dalam haid, ia tidak menghalang mereka untuk turut serta di kawasan musalla hari raya.

IKTIKAF DAN PERKARA YANG BERKAITAN DENGANNYA

Sebelum membincangkan hukum iktikaf di surau, berikut dibincangkan beberapa perkara mengenai iktikaf itu sendiri:

Definisi Iktikaf

Iktikaf dari segi bahasa bererti tinggal dan melazimi sesuatu perkara sama ada yang baik atau yang buruk. Dari segi Syarak, menurut mazhab Shafi'iyy, iktikaf ialah “*seseorang individu berada (dengan tempoh) dalam masjid dengan niat iktikaf*” (al-Sharbiniyy 1998: 1/600).

Manakala al-Bahutiyy (1999: 166) daripada mazhab Hanbaliyy pula mendefinisikan iktikaf ialah “*perbuatan melazimi masjid daripada seseorang muslim yang berakal walaupun kanak-kanak mumayyiz yang tidak perlu mandi walaupun seketika kerana mentaati Allah Taala*”.

Hukum Iktikaf

Hukum iktikaf ialah sunat muakkad dan ia dituntut pada setiap masa. Ia lebih-lebih dituntut pada sepuluh malam terakhir daripada bulan Ramadan sebagai mengikuti sunnah Rasulullah S.A.W berdasarkan sebuah hadis yang diriwayat oleh Aishah R.A:

(أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، كَانَ يَعْتَكِفُ الْعَشْرَ الْآخِرَ مِنْ رَمَضَانَ حَتَّى تَوَفَّاهُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ، ثُمَّ اعْتَكَفَ أَزْوَاجُهُ مِنْ بَعْدِهِ)

Maksudnya: “*Bahawa Nabi S.A.W beriktikaf pada sepuluh malam terakhir bulan Ramadan sehingga baginda diwafatkan oleh Allah Azza Wa Jalla. Kemudian ia diteruskan oleh isteri-isteri baginda selepas itu*”.

(Hadis. Muslim. Kitab al-Iktikaf: Bab Iktikaf al-Ashr al-Awakhir Min Ramadan. #1172. ms457)

Dalam sebuah hadis lain yang diriwayatkan oleh Abu Hurayrah:

(كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَعْتَكِفُ فِي كُلِّ رَمَضَانَ عَشَرَةَ أَيَّامٍ، فَلَمَّا كَانَ الْعَامُ الَّذِي قُبِضَ فِيهِ، اعْتَكَفَ عِشْرِينَ يَوْمًا)

Iktikaf di Surau

Maksudnya: "Bahawa Nabi S.A.W beriktikaf pada setiap bulan Ramadan sebanyak sepuluh hari. Pada tahun kewafatannya baginda beriktikaf sebanyak 20 hari".

(Hadis. Al-Bukhariyy. Kitab al-Iktikaf: Bab Iktikaf Fi al-'Ashr al-Awsat Min Ramadan)

Waktu iktikaf bukan hanya tertentu pada bulan Ramadan sahaja, malah ia boleh dilakukan pada bulan dan hari selain bulan Ramadan. Daripada 'Umar R.A, dia berkata:

"قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ! إِنِّي كُنْتُ نَذَرْتُ أَنْ أَعْتَكِفَ لَيْلَةً فِي الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ فِي الْجَاهِلِيَّةِ، قَالَ أَوْفِ بِنَذْرِكَ“

Maksudnya: "Aku berkata, "wahai Rasulullah, aku pernah bernazar untuk beriktikaf semalam di Masjid Haram ketika zaman jahiliyyah". Nabi bersabda, "tunaikan nazarmu".

(Hadis. al-Tirmidhiyy. Bab Ma Ja'a Fi Wafa' al-Nadhri)

Pengertian hadis ini ialah, jika seseorang itu bernazar untuk beriktikaf di mana-mana masjid walaupun bukan pada bulan Ramadan, adalah dibenarkan. Ini termasuk juga iktikaf sunat. Jika seseorang bernazar untuk beriktikaf maka hukumnya adalah wajib. Manakala jika dia berniat biasa tanpa bernazar, maka hukumnya sunat sahaja.

Tempat Iktikaf

Semua mazhab yang empat bersepakat bahawa tempat untuk beriktikaf hanya boleh dilakukan di masjid sahaja. Selain daripada masjid (contohnya musalla tempat solat hari raya atau istisqa' atau jenazah) tidak sah dilakukan dalamnya kerana tidak pernah diketahui bahawa Nabi S.A.W beriktikaf di musalla. Berikut adalah kenyataan ulama-ulama mazhab yang empat:

Mazhab Shafi'iyy

Imam al-Nawawiyy (2003: 2/121) berkata:

"وَإِنَّمَا يَصْحُحُ الْاعْتِكَافُ فِي الْمَسْجِدِ، كَمَا فَعَلَهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَالْجَامِعُ أَوْلَى“

Maksudnya: “*Iktikaf hanya sah di masjid seperti yang dilakukan oleh Nabi S.A.W. (Iktikaf) di Jamik lebih baik supaya tidak perlu keluar daripadanya untuk solat Jumaat*”.

Syeikh Zakariyya al-Ansariyy (1997: 2/370-371) pula berkata:

”يَخْتَصُ الاعْتِكَافُ كَالطَّوَافِ وَتَحْيَةِ الْمَسْجِدِ بِالْمُسْجِدِ لِلِّاتِبَاعِ، فَلَا يَصِحُ شَيْءٌ مِنْهَا فِي غَيْرِهِ، وَالْجَامِعُ بِالاعْتِكَافِ أَوْلَى“

Maksudnya, “*Iktikaf hanya dikhususkan di masjid seperti tawaf dan solat tahiyyat masjid sebagai mengikut perbuatan Nabi S.A.W. Tidak sah satu pun daripada ketiganya di selain masjid. Iktikaf di Jamik lebih baik*”.

Mazhab Hanafiyu

Ibnu Mawdud al-Musiliyy (t.th: 145-146) daripada mazhab Hanafiyu berkata:

”وَهُوَ الاعْتِكَافُ—اللُّبْثُ فِي مَسْجِدِ جَمَائِعَةٍ مَعَ الصَّوْمِ وَالنِّيَّةِ۔ أَمَا اللُّبْثُ فَلَا نَهَا يَنْبئُ عَنْهُ، وَأَمَا كَوْنُهُ فِي مَسْجِدِ جَمَائِعَةٍ لِقَوْلِهِ تَعَالَى ﴿وَأَنْتُمْ عَاكِفُونَ فِي الْمَسَاجِدِ﴾۔ وَقَالَ حُذَيْفَةَ: سَمِعْتَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ «كُلُّ مَسْجِدٍ لَهُ إِمَامٌ وَمُؤْذِنٌ فَإِنَّهُ يَعْتَكِفُ فِيهِ»۔ وَقَالَ حُذَيْفَةَ: لَا اعْتِكَافٌ إِلَّا فِي مَسْجِدِ جَمَائِعَةٍ، وَلَا نَعْتَكِفُ يَنْتَظِرُ الصَّلَاةَ فَيُخْتَصُ بِمَكَانٍ تَوَدُّ فِيهِ الْجَمَائِعُ، فَكُلَّمَا كَانَ الْمَسَجِدُ أَعْظَمَ، فَالاعْتِكَافُ فِيهِ أَفْضَلُ“

Maksudnya: “*Iktikaf ialah duduk atau tinggal dalam masjid yang dibuat solat berjemaah berserta puasa dan niat. Adapun syarat duduk/tinggal kerana ia menggambarkan iktikaf berlaku. Adapun syarat -ia dilakukan- di masjid yang dibuat solat jamaah berdasarkan firman Allah yang bermaksud “dan kamu beriktikaf di masjid-masjid”(al-Quran. al-Baqarah 2/187). Hudhayfah berkata: “aku mendengar Rasulullah S.A.W bersabda yang bermaksud, “setiap masjid yang mempunyai imam dan muazzin, maka bolehlah beriktikaf dalamnya” (Hadis. al-Darqutniyy. Kitab al-Siyam: Bab al-Iktikaf. #2323. ms427). Hudhayfah*

Iktikaf di Surau

berkata lagi: “tidak sah iktikaf kecuali di masjid yang dibuat solat jamaah. Ini kerana orang yang beriktikaf akan menunggu solat (menunaikannya), maka iktikaf khusus di tempat yang dilakukan solat jamaah. Lebih besar masjid itu, maka beriktikaf dalamnya terlebih baik”.

Mazhab Hanbaliyy

Al-Bahutiyy (1999: 167) daripada mazhab Hanbaliyy berkata:

”وَلَا يَصُحُّ الْاعْتِكَافُ إِلَّا بِنِيَّةٍ، حَدِيثٌ «إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ»، وَلَا يَصُحُّ إِلَّا فِي مَسْجِدٍ، لِقَوْلِهِ تَعَالَى ﴿وَأَنْتُمْ عَاكِفُونَ فِي الْمَسَاجِدِ﴾، يَجْمِعُ فِيهِ أَيْ تُقَامُ فِيهِ الْجَمَاعَةُ، لَأَنَّ الْاعْتِكَافَ فِي عَيْرِهِ يُفْضِيُ إِلَى تَرْكِ الْجَمَاعَةِ أَوْ تَكْرَارِ الْخُرُوجِ إِلَيْهَا كَثِيرًا، مَعَ إِمْكَانِ التَّحْرِزِ مِنْهُ وَهُوَ مُنَافٌ لِلْاعْتِكَافِ“

Maksudnya: “Tidak sah iktikaf kecuali dengan niat berdasarkan hadis yang bermaksud, ”Amalan hanya diambil kira dengan niat” (Hadis. al-Bukhariyy. Kitab Bad’ al-Wahy: Bab Kayfa Kana Bad’ al-Wahy Ila Rasulillah S.A.W #1. ms21). Tidak sah iktikaf kecuali di masjid berdasarkan firman Allah yang bermaksud, “dan kamu beriktikaf di masjid-masjid” (al-Quran. al-Baqarah 2/187) dan masjid ini didirikan solat jemaah dalamnya. Ini kerana iktikaf di tempat selain masjid akan menyebabkan sama ada meninggalkan solat jemaah atau berulang-ulang keluar dengan kerap untuk solat jemaah sedangkan ia boleh dielakkan dan ia menafikan maksud iktikaf sebenarnya”.

Ibnu Muflih al-Maqdisiyy (2002: 3/113) pula berkata:

”وَلَا يَصُحُّ مِنْ رَجُلٍ تَلَرِمُهُ الصَّلَاةُ جَمَاعَةً فِي مُدَّةِ اعْتِكَافِهِ إِلَّا فِي مَسْجِدٍ تَقَامُ فِيهِ الْجَمَاعَةُ، وَلَوْ مِنْ رَجُلَيْنِ مُعْتَكِفَيْنِ، وَلَا صَحُّ مِنْهُ فِي مَسْجِدٍ غَيْرِهِ، وَفِي الْأَنْتَصَارِ: وَلَا يَصُحُّ مِنَ الرَّجُلِ مُطْلِقاً إِلَّا فِي مَسْجِدٍ تَقَامُ فِيهِ الْجَمَاعَةُ». فَعَنْ عَائِشَةَ أَنَّهَا قَالَتْ «السُّنْنَةُ عَلَى الْمُعْتَكِفِ أَنْ لَا يَعُودَ مَرِيضًا، وَلَا يَشْهَدَ جَنَارَةً، وَلَا يَمْسَّ امْرَأَةً، وَلَا

يُبَاشِرَهَا، وَلَا يَخْرُجَ لِحَاجَةٍ إِلَّا مَا لَا بُدُّ مِنْهُ، وَلَا اعْتِكَافَ إِلَّا بِصَوْمٍ
وَلَا اعْتِكَافَ إِلَّا فِي مَسْجِدٍ جَامِعٍ“

Maksudnya: “Tidak sah -iktikaf- bagi seorang lelaki yang wajib solat berjamaah dalam tempoh iktikafnya kecuali di masjid yang dilakukan solat jamaah, walaupun daripada dua orang lelaki yang beriktikaf. Jikalau tidak, sudah tentu ia sah di masjid selain daripadanya. Dalam kitab al-Intisar ada menyebut: “tidak sah -iktikaf- seorang lelaki sama sekali kecuali di masjid yang dilakukan solat jamaah”. Daripada ‘A’ishah, dia berkata: “mengikut sunnah bagi orang yang beriktikaf ialah tidak melawat orang sakit, tidak melawat jenazah, tidak menyentuh dan tidak menjimak isterinya, tidak keluar bagi sesuatu hajat kecuali apa yang perlu, tidak ada iktikaf tanpa puasa dan tidak ada iktikaf kecuali di masjid Jamik””

(Hadis. Abu Dawud. Kitab al-Sawm: Bab al-Mutakif Ya‘udu al-Marid. #2473. ms280)

Mazhab Malikiyy

Al-Baghdadiyy (t.th: 435) daripada mazhab Malikiyy berkata:

”وَيَحُوزُ –أَيِ الْاعْتِكَافُ– فِي كُلِّ مَسْجِدٍ إِلَّا مَنْ تَزَمَّمُ الْجُمُعَةُ،
فَيَتَعَيَّنُ الْجَامِعُ“

Maksudnya: “Iktikaf boleh dilakukan di setiap masjid kecuali orang yang wajib mengerjakan solat Jumaat, maka wajib (iktikaf) di Jamik”.

Manakala al-Nafrawiyy (1997: 491-492) juga daripada mazhab Malikiyy berkata:

”وَلَا اعْتِكَافَ إِلَّا بِصَوْمٍ، وَلَا يَكُونُ إِلَّا
فِي الْمَسَاجِدِ، كَمَا قَالَ اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى ﴿وَأَنْتُمْ عَاكِفُونَ فِي
الْمَسَاجِدِ﴾. فَإِنْ كَانَ كَانَ بَلَدُ فِيهِ الْجُمُعَةُ فَلَا يَكُونُ إِلَّا فِي الْجَامِعِ إِلَّا
يَنْذِرَ أَيَّامًا لَا تَأْخُذُهُ فِيهَا الْجُمُعَةُ“

Iktikaf di Surau

Maksudnya: “Tidak boleh iktikaf kecuali dengan berpuasa dan tidak boleh kecuali berturut-turut dan tidak boleh dilakukan kecuali di masjid-masjid seperti firman Allah S.W.T yang bermaksud, “dan kamu beriktikaf di masjid-masjid” (al-Quran. al-Baqarah 2/187). Jika sesuatu tempat dilaksanakan solat Jumaat, maka (iktikaf) tidak boleh dilakukan kecuali di Jamik melainkan dia bernazar beriktikaf beberapa hari yang tidak melibatkan hari Jumaat”.

Ulasan

Daripada kenyataan ulama-ulama mazhab di atas, dapat difahami bahawa mereka mensyaratkan sah iktikaf hanya boleh dilakukan di masjid sahaja atau di jamik. Adapun iktikaf di musalla tidak sah dilakukan.

Ia disokong oleh sebuah hadis Nabi S.A.W yang diriwayatkan daripada Ibnu Umar:

(أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَعْتَكِفُ الْعَشْرَ الْأَوَّلَيْنَ مِنْ رَمَضَانَ . قَالَ نَافِعٌ وَقَدْ أَرَانِي عَبْدُ اللَّهِ الْمَكَانُ الَّذِي يَعْتَكِفُ فِيهِ رَسُولُ اللَّهِ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- مِنَ الْمَسْجِدِ)

Maksudnya: “Bahwa Nabi S.A.W beriktikaf sepuluh hari terakhir bulan Ramadan. Nafi berkata: “Abdullah menunjukkan tempat di mana Rasulullah S.A.W beriktikaf dalam masjid””. (Hadis. Abu Dawud. Bab Ayna Yakunu al-I'tikaf).

Hadis ini menunjukkan bahawa Nabi S.A.W melakukan iktikaf di masjid. Tidak terdapat dalil yang menunjukkan bahawa baginda melakukan iktikaf di tempat selain masjid seperti musalla atau lain-lain.

ANALISA KEPUTUSAN JAWATANKUSA PERUNDINGAN HUKUM SYARA' WILAYAH PERSEKUTUAN

Berbalik kepada isu yang dibahaskan iaitu hukum iktikaf di surau di Malaysia, ada dua keputusan yang berbeza mengenainya. Yang pertama; membenarkannya dilakukan di surau dan keputusan kedua menyatakan tidak boleh iktikaf dilakukan di surau, yakni tidak sah.

Kajian ini berpendapat keputusan pertama yang diputuskan oleh Jawatankuasa Perundingan Hukum Syara' Wilayah Persekutuan yang membenarkan iktikaf boleh dilakukan di surau kerana menganggap surau sama statusnya dengan masjid. Manakala keputusan kedua yang tidak membenarkan kerana menganggap surau tidak sama dengan masjid bahkan sama seperti status musalla.

Untuk memahami isu ini dengan jelas, terlebih dahulu perlu kita memahami definisi masjid dan surau di Malaysia menurut takrifan Undang-Undang Pentadbiran Islam Wilayah Persekutuan 1993: *Masjid ertinya suatu bangunan yang digunakan bagi sembahyang Jumaat dan sembahyang lain dan kegiatan-kegiatan yang disuruh, disyorkan, atau dibenarkan oleh agama Islam, dan termasuk mana-mana masjid atau surau atau madrasah yang disenaraikan dalam Jadual Ketiga*".

Antara syarat membina masjid di Wilayah Persekutuan ialah ia perlu mendapat keizinan daripada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan tanah yang ingin dibina masjid itu mestilah diwakafkan kepada Majlis. Ini disebut dalam seksyen 73 (1-2):

- 1) *Tiada seorang pun boleh, tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis, mendirikan apa-apa bangunan yang hendak digunakan sebagai masjid, atau selainnya menggunakan mana-mana bangunan bagi maksud-maksud sesuatu masjid, atau menyebabkan atau membenarkan mana-mana bangunan digunakan sebagai masjid.*
- 2) *Majlis tidak boleh memberikan kebenarannya di bawah subseksyen (1) melainkan jika tapak bangunan bagi masjid yang dicadangkan itu telah dijadikan wakaf yang berkekalan.*

Manakala surau, ia tidak diberi definisi tersendiri oleh Undang-Undang Pentadbiran Islam Wilayah Persekutuan 1993. Namun surau ada di sebut dalam definisi masjid secara tidak langsung:

"Masjid" ertinya suatu bangunan yang digunakan bagi sembahyang Jumaat dan sembahyang lain dan kegiatan-kegiatan yang disuruh, disyorkan, atau dibenarkan oleh agama Islam, dan termasuk mana-mana masjid atau surau atau madrasah yang disenaraikan dalam Jadual Ketiga.

Ini bererti surau juga ialah bangunan yang digunakan untuk solat lima waktu, solat Jumaat dan solat-solat yang lain menurut definisi

Iktikaf di Surau

undang-undang ini. Menurut kebiasaan di Malaysia, bangunan surau lebih kecil daripada bangunan masjid.

Walaupun kebiasaan surau ialah tempat solat lima waktu, namun terdapat beberapa surau yang dibenarkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri untuk mendirikan solat Jumaat memandangkan masjid agak jauh daripada penempatan orang Islam. Ini untuk kemudahan umat Islam dalam menunaikan solat jumaat.

Kajian ini berpendapat bahawa keputusan kedua oleh Jawatankuasa Perundingan Hukum Syara' Wilayah Persekutuan yang tidak membenarkan iktikaf dilakukan di surau kerana menganggap surau itu sama statusnya dengan musalla yang difahami di zaman Nabi S.A.W, kerana di sesetengah tempat di Malaysia, tempat solat dipanggil musalla.

Namun kajian ini tidak bersetuju dengan pandangan ini kerana jika dilihat makna musalla di zaman Nabi S.A.W, ia adalah tempat solat untuk tujuan-tujuan tertentu sahaja seperti solat sunat istisqa', solat dua hari raya dan solat jenazah. Ia bukan tempat solat secara tetap yang dilazimi oleh Rasulullah S.A.W dan para sahabat, bahkan ia beberapa kali sahaja.

Adapun istilah surau di Malaysia, ia adalah tempat orang Islam mendirikan solat lima waktu secara berjemaah. Dapat difahami di sini, surau dari segi realitinya sama status dengan istilah masjid seperti yang didefinisikan oleh para ulama. Malah surau yang didirikan solat jemaah lima waktu dan solat Jumaat sama statusnya dengan istilah jamik menurut takrifan kamus dan amalan orang Arab.

Menurut kaedah ilmu Usul Fiqh:

الْعِبْرَةُ بِالْقُصْدِ لَا بِالْأَلْفَاظِ

Maksudnya: "Yang diambil kira ialah maksud bukannya perkataan (istilah)" (Ibnu al-Qayyim 1993). Kajian ini berpendapat, memandangkan surau ialah tempat solat lima waktu secara jemaah, maka ia sama statusnya dengan masjid walaupun ia tidak dinamakan sebagai masjid.

Begitu juga sesuatu tempat yang dinamakan atau dipanggil masjid tetapi tidak didirikan solat lima waktu di situ kecuali kerana perkara-perkara tertentu maka ia tidak boleh dianggap masjid. Ia bukanlah masjid sebenar yang boleh dilakukan iktikaf walaupun ia dinamakan "masjid".

Oleh sebab itulah kajian ini lebih cenderung kepada keputusan pertama yang diputuskan oleh Jawatankuasa Perundingan Hukum Syara' Wilayah Persekutuan. Kesimpulannya ialah iktikaf di surau sama ada di surau biasa atau surau yang didirikan solat Jumaat adalah sah dilakukan.

PENUTUP

Mengikut keputusan Jawatankuasa Perundingan Hukum Syara' Wilayah Persekutuan, hukum iktikaf yang dilakukan selain daripada di masjid di seluruh Wilayah Persekutuan adalah tidak sah. Namun realitinya sebahagian besar umat Islam masih melakukannya di surau-surau berdekatan rumah mereka. Perkara ini terjadi mungkin disebabkan mereka tidak mengetahui keputusan tersebut atau mereka telah biasa mengerjakan iktikaf di surau.

Walaupun terdapat kritikan terhadap keputusan Jawatankuasa Perundingan Hukum Syara' Wilayah Persekutuan berhubung hukum beriktikaf di surau, namun kajian ini tidak menyatakan ia salah kerana persoalan tersebut bersifat *ijtihadiyy* yang masih membuka ruang untuk diperdebatkan.

Justeru keputusan tersebut boleh diterima pakai oleh sesiapa yang bersetuju dan begitu juga sebaliknya kerana fatwa tidak boleh dipaksa pemakaianya ke atas orang ramai kerana ia tidak *mulzim* (mengikat) seperti keputusan mahkamah. Apatah lagi keputusan mengenai hukum iktikaf di surau hanyalah berstatus "keputusan" dan bukannya "fatwa" yang diwartakan dalam warta kerajaan. *Wallahu a'lam*.

RUJUKAN

Abu Dawud, Sulayman bin al-Ash'ath al-Sajistaniyy. 2004. *Sunan Abi Dawud*. ^cAmman: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah.

^cAliyy Muhy al-Din al-Qurrah. 1975. *Maftum al-Masjid Fi al-Islam Wa Madha Yutatallabu Minna Fi al-Waqt al-Hadir*. Buhuth Mu'tamar Risalat al-Masjid. t.tp: t.pt.

al-Baghdadiyy, Shihab al-Din ^cAbd al-Rahman bin Muhammad bin ^cAskar. t.th. *Irshad al-Salik Fi Fiqh Imam al-A'imma Malik*. Bayrut: Dar al-Fikr.

Iktikaf di Surau

- al-Bahutiyy, Mansur bin Yunus bin Idris al-Hanbaliyy. 1982. *Kashshaf al-Qina^c An Matn al-Iqna^c*. jil. 1. Bayrut: Dar al-Fikr.
- al-Bahutiyy, Mansur bin Yunus bin Idris al-Hanbaliyy. 1999. *al-Rawd al-Murbi^c Bi Sharh Dhad al-Mustaqnica*. Bayrut: al-Maktabat al-Asriyyah.
- al-Bayhaqiyy, Abu Bakr Ahmad bin al-Husayn bin Aliyy. 1999. *al-Sunan al-Kubra*. Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Bukhariyy, Abu Abdillah Muhammad bin Isma'il. 2001. *Sahih al-Bukhariyy*. Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabiyy.
- al-Fayyumiyy, Ahmad bin Muhammad bin Aliyy al-Muqr'i. 1987. *Al-Misbah al-Munir Mu'jam 'Arabiyy 'Arabiyy*. Bayrut: Maktabah Lubnan.
- al-Haririyy, Mahmud bin Husayn. 1990. *Ahkam al-Masajid Fi al-Islam*. Riyad: Dar al-Rifa'iyy.
- Ibnu Abidin, Muhammad Amin bin Umar bin Abd al-Aziz al-Dimashqiyy. 1998. *Radd al-Muhtar 'Ala al-Durr al-Mukhtar*. jil. 2. Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabiyy.
- Ibnu Manzur. 1999. *Lisan al-Arab*. jil. 2. Bayrut: Dar Ihya' al-Turath.
- Ibnu Mawdud al-Musiliyy, Abdullah bin Mahmud al-Hanafiyy. t.th. *al-Ikhtiyar Li Ta'lil al-Mukhtar*. Bayrut: Dar al-Arqam bin Abi al-Arqam.
- Ibnu Mufligh al-Maqdisiyy, Shams al-Din Abu Abdillah Muhammad al-Hanbaliyy. 2002. *Kitab al-Furu^c Fi Fiqh al-Imam Ahmad bin Hanbal*. jil. 1 & 3. Bayrut: Dar al-Kitab al-Arabiyy.
- Ibnu al-Qayyim al-Jawziyyah, Shams al-Din Abu Abdillah Muhammad bin Abi Bakr. 1993. *I'lam al-Muwaqqi'in An Rabb al-Alamin*. Al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- Ibnu Sayyidah, Abu al-Hasan Aliyy bin Isma'il al-Mursiyy. 2000. *Al-Muhkam Wa al-Muhit a-Azam*. jil. 1. Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Kalibuliyy, Abd al-Rahman bin Muhammad bin Sulayman. 1998. *Majma^c al-Anhur Fi Sharh Multaqa al-Abhur*. jil. 1. Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Kertas Cadangan Menimbang Semula Keputusan Fatwa Berhubung Dengan Solat Tahiyatul Masjid di Surau Jumaat

- al-Mu'jam al-'Arabiyy al-Asasiyy*. t.pt: al-Munazzamat al-'Arabiyyah
Li al-Tarbiyyah Wa al-Thaqafah Wa al-'Ulum.
- Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim, Abu al-Husayn al-Qushayriyy al-Naysaburiyy. 2000. *Sahih Muslim*. Riyad: Dar al-Salam.
- al-Nafrawiyy, Ahmad bin Ghunaym bin Salim bin Muhamna al-Azhariyy al-Malikiyy. 1997. *Al-Fawakih al-Dawaniyy 'Ala Risalat Ibn Abi Zayd al-Qayrawaniyy*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Nasa'iyy, Abu 'Abd al-Rahman Ahmad bin Shu'ayb bin 'Aliyy. 2004. *Sunan al-Nasa'iyy*. 'Amman: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah.
- al-Nawawiyy, Abu Zakariyya Yahya bin Sharaf al-Dimashqiyy. 2000. *Rawdat al-Talibin*. jil. 1. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Nawawiyy, Abu Zakariyya Yahya bin Sharaf al-Dimashqiyy. 2001. *Kitab al-Majmu' Sharh al-Muhazzab Li al-Shiraziyy*. jil. 3. Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy.
- al-Nawawiyy, Abu Zakariyya Yahya bin Sharaf al-Dimashqiyy. 2003. *Minhaj al-Talibin*. jil. 2. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Sa'diyy Abu Jayb. 1998. *Al-Qamus al-Fiqhiyy Lugahtan Wa Istilahan*. Dimashq: Dar al-Fikr.
- al-Sharbiniyy, Shams al-Din Muhammad bin Muhammad al-Khatib. 1998. *Mughni al-Muhtaj Ila Ma'rifat Ma'an Alfaz al-Minhaj*. jil. 1. Bayrut: Dar al-Fikr.
- al-Sharqawiyy, 'Abdullah bin Hijaziyy bin Ibrahim al-Shafi'iyy al-Azhariyy. 1997. *Hashiyat al-Sharqawiyy 'Ala Tuhfat al-Tullab Bi Sharh Tanqih al-Lubab*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Taha al-Waliyy. 1988. *al-Masajid Fi al-Islam*. Bayrut: Dar al-'Ilm Li al-Malayin.
- al-Tirmidhiyy, Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa bin Sawrah. 2004. *Jami' al-Tirmidhiyy*. Lubnan: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah.
- Undang-Undang Pentadbiran Islam Wilayah Persekutuan 1993.
- Zakariyya al-Ansariyy, Abu Yahya. 1997. *Tuhfat al-Tullab Bi Sharh Tahrir Tanqih al-Lubab*. jil. 2. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Zarkashiyy, Badr al-Din Muhammad bin Bahadur bin 'Abdillah al-Shafi'iyy. 1989. *I'lam al-Sajid Bi Ahkam al-Masajid*. Al-Qahirah: t.pt.